

# 32 kontena barang seludup dirampas

➔ Kastam gagal cubaan bawa keluar barang bercukai bernilai RM1.5j

Oleh Wan Faizal Ismayatim  
wfaizal@bh.com.my

✦ Kota Kinabalu

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan sindiket penyeludupan beroperasi di Pelabuhan Sepanggar, dekat sini, selepas merampas 32 kontena mengandungi pelbagai barangan dianggarkan bernilai RM1.5 juta membabitkan RM4.5 juta duti cukai.

Rampasan membabitkan 21 kontena mengandungi minuman keras pelbagai jenama, lapan kontena membawa beras dan tiga kontena berisi tayar yang diseludup dari beberapa negara untuk pasaran tempatan.

Kejayaan itu hasil operasi sejak tiga minggu lalu daripada pelbagai bahagian Ibu Pejabat Kastam serta JKDM Sabah menggunakan konsep Penyelarasan Pengurusan Sempadan (CBM), iaitu pemeriksaan teliti proses membawa masuk barangan di pelabuhan.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Subromaniam Tholasy, berkata rampasan pertama membabit-

## Info

### Kes rampasan

➔ **Kes disiasat** mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967.

➔ **Kesalahan** adalah mengimport atau mengeksport barang tak berkastam atau barang larangan sama ada berada dalam kapal, diturunkan dari kapal, dihantar serah atau tidak.

BH  
4/9/16  
mls 32



**Subromaniam (tiga dari kiri) bersama Janathan (dua dari kiri) pada sidang media membabitkan rampasan 32 kontena di Wisma Kastam, Kota Kinabalu, semalam.**

kan 21 kontena membawa 249,372 liter minuman keras RM870,000 dengan duti cukai RM3.69 juta.

### Arak dibawa dari Singapura

“Siasatan lanjut mendapati semua minuman keras itu dibawa dari Singapura dan Vietnam, namun barangan terbabit diikrar sebagai perabot, perkakasan dan barangan sukan.

“Dalam operasi berasingan, kami merampas lapan kontena mengandungi 170,150 kilogram beras dari Thailand bernilai RM380,000 mem-

babitkan duti cukai RM680,000.

“Pada masa sama, tiga kontena membawa 2,131 unit tayar dan pelbagai barangan lain dari China membabitkan nilai RM300,000 dengan duti cukai RM150,000 turut dirampas. Barang seludup terbabit diikrarkan sebagai peralatan rumah dan alat tulis,” katanya pada sidang media di Wisma Kastam Sabah di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah JKDM Sabah, Datuk Dr Janathan Kandok.

Subromaniam berkata, modus operandi digunakan pihak penyelu-

dup ialah dengan membuat ikrar tidak benar ke atas barangan yang memerlukan lesen import.

“Bagaimanapun, melalui konsep CBM, strategi kami beralih daripada fokus terhadap produk kepada penumpuan proses, iaitu mengesan kesalahan menggunakan teknik pengurusan dan analisis risiko dengan kerjasama agensi perkapalan serta penguat kuasa lain.

“Kami sudah mengenal pasti pihak yang terbabit dan yakin akan membuat tangkapan dalam masa terdekat,” katanya.

[FOTO MOHD ADAM ARININ/BH]